

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6. BILANGAN 6.

BANDAR BRUNEI, RABU, 15 MARCH, 1961 (27 Ramadan, 1380)

PERCHUMA

UTAMAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN!

Minggu Bahasa

SERUAN KAPADA MURID2 SEKOLAH

BANDAR BRUNEI — Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche' Idris bin Babji, sa-laku Pengerusi Jawatan Kuasa Peranchang Minggu Bahasa yang akan berlangsung mulai 10 April hingga 16 April, 1961 telah menyeru semua murid2 sekolah di-negeri ini supaya mengambil bahagian penting dalam melaksanakan bahasa kebangsaan yang akan di-jalankan itu.

Dalam sa-buah siaran-nya yang berupa pesanan kepada murid2, Yang Berhormat Inche' Idris berkata:

"Tiap2 sa-buah negara dalam dunia ini ada mempunyai bahasa kebangsaan masing2, dan negara kita Brunei ini juga ada bahasa kebangsaan sendiri ia-itu bahasa Melayu, seperti yang di-tetapkan di-dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

"Dari sebab itu jadi-lah bahasa Melayu bahasa kebangsaan kita, bahasa bagi tiap2 sa-orang ra'ayat negara Brunei ini, tidak kira dari apa jua keturunan bangsa-nya; dan oleh kerana itu mestilah tiap2 sa-orang sa'ayat negeri ini tahu dan hormatkan bahasa kebangsaan-nya itu.

"Lebeh2 lagi kamu murid2 yang masih di-bangku sekolah hendak-lah kamu sungguh2 belajar dan selalu gunakan bahasa kebangsaan kita ini, kerana bahasa kebangsaan itu-lah akan jadi suatu jalan alat yang baik sekali bagi menyatukan semangat ra'ayat dari berbagai2 kaum itu.

"Bagi kamu murid2 sakalian, dalam Minggu Bahasa Kebangsaan ini-lah terbuka suatu peluang yang dapat kamu menunjukkan bagaimana perasaan dan penerimaan kamu kepada bahasa kebangsaan kita ini.

"Saya berharap supaya kamu (Lihat Muka 4)



Pesuruh Jaya Tinggi India bagi Malaya, Singapura dan kawasan2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara, Tuan Y.K. Puri telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama empat hari baharu2 ini bersama2 isteri-nya.

Semasa di-negeri ini, Tuan Puri dan isteri-nya telah mengedap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana.

Beliau2 itu telah menjadi tetamu kepada Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White.

KA -
NEW
DELHI



Wakil2 dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-New Delhi, India baharu2 ini untuk menghadiri persidangan Suruhanjaya Persekutuan bagi Asia dan Timur Jauh.

Dari kiri ia-lah Yg. Berhormat Inche Hamidon bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negara, Brunei; Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Timbalan Setia Usaha Kerajaan (Ketua rombongan); Inche Chua Kwang Soon, Penguasa Kastam Negeri Brunei dan Inche Zaini bin Dato Setia Pekin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad (Juru Bahasa kepada Ketua Rombongan). Di-penjuru kiri sa-belah atas gambar ini ia-lah Inche Sa'ad bin Marsuki, Setia Usaha Perikembangan Negara yang telah berangkat bersama2 dengan rombongan itu sa-bagai Setia Usaha rombongan.

SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI

Pemangku Pegawai Penerangan Negara dan anggota2 Jabatan Penerangan di-seluruh negeri ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua umat Islam.

PUTERA2 DI-RAJA BALEK KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiyah putera sulong kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta putera yang kedua kepada Duli2 Yang Maha Mulia ia-itu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Bolkiyah telah balek ka-Brunei dari Malaya pada hari Ahad yang lalu.

Putera2 Di-raja itu telah berangkat ka-Malaya beberapa bulan dahulu kerana melanjutkan pelajaran masing2 di-Kuala Lumpur dan telah balek ka-Brunei kerana berchuti.

Turut balek ka-Brunei bersama2 dengan Putera2 Duli Yang Maha Mulia itu ia-lah putera2 kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, putera2 kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan sa-orang putera kepada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamed Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Yang Di-Muliakan Pehin Jawatan Luar Haji Abdullah dan Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Sulaiman telah mengiringi Putera2 Di-Raja tersebut dalam perjalanan balek ka-Brunei.

PENUNTUT2 YG. BAHARU MAKTAB GURU2

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang guru2 lelaki dan delapan orang guru2 perempuan dari seluruh Brunei telah di-pilih untuk belajar di-Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei.

Guru2 lelaki itu ada-lah mengandongi 5 orang dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei; 3 orang dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer, Brunei; 2 orang dari Sekolah Melayu Berakas menakala sa-orang dari tiap2 buah Sekolah Melayu yang berikut:

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut; Sekolah Melayu Sengkurong; Sekolah Melayu Tanjong Maya; Sekolah Melayu Masin; Sekolah Melayu Bukit Sawat, Belait; Sekolah Melayu Pengkalan Batu; Sekolah Melayu Ukong dan Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara.

Mereka ada-lah saperti yang di-bawah ini:

Sekolah Melayu Sultan Jemalul Alam, Bandar Brunei — Tuah bin Noordin, Abu Bakar bin Ibrahim, Mohamed Arshad bin Tabu, Abdullah bin Idris dan Awangku Sabtu bin Pengiran Mohamed Salleh.

Sekolah Melayu Lela Menchanai — Abdul Hamid bin Jaludin, Asli bin Mohamed Ja'afar dan Mohamed Salleh bin Haji Mohamed Yusof.

Sekolah Melayu Berakas — Mokti bin Ahmad dan Moktal bin Sahat.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait — Tuah bin Ahmad.

Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut — Abdul Halim bin Umar.

Sekolah Melayu Sengkurong — Suhaili bin Lani.

Sekolah Melayu Tanjong Maya — Wasli bin Ibrahim.

Sekolah Melayu Masin — Ahmad bin Haji Metali.

Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria — Mohamed Salleh bin Duraman.

Sekolah Melayu Bukit Sawat, Belait Abdul Rahman bin Kikil.

Sekolah Melayu Pengkalan Batu — Awangku Muhammad bin Pengiran Tamam.

Sekolah Melayu Ukong — Mandin bin Uking.

Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara — Awangku Ghani bin Pengiran Metali.

Guru2 perempuan yang telah di-pilih untuk belajar di-Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei, 2 orang dari Sekolah Melayu Ahmad Ta-

juddin, Kuala Belait, sa-orang dari Sekolah Melayu Keriam, Tutong; sa-orang dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong dan sa-orang dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Guru2 itu ia-lah dari:

— Siti binti Mohamed Yusof Khan, Lena binti Abdul Rahman dan Dayangku Amas binti Pengiran Ahmad.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait — Zainah binti Umar dan Saipun binti Umar.

Sekolah Melayu Keriam — Maisiti binti Abdul Hamid.

Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong — Saihah binti Abdul Latif.

Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria — Dayangku Norsalam binti Pengiran A. Ahmad Daud.

Menurut satu siaran dari Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, sa-belum guru2 tersebut di-daftarkan menjadi sa-orang "penuntut," terlebih dahulu hendak-lah mendapat pengakuan dari tuan tabib atas kesihatan-nya.

Surat untuk pepercakaan tabib akan di-sediakan oleh Jabatan Pelajaran.

Penuntut2 itu hendak-lah sampai ka-Maktab Perguruan Guru2 Melayu di-Berakas pada hari Sabtu 25 March, 1961 tidak lewat dari pukul 6 petang.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa penuntut2 tahun dua maktab tersebut adalah mengandongi 50 orang dan tahun tiga sa-ramai 24 orang.

Dengan tambahan 28 orang penuntut2 yang baharu itu, maka jumlah penuntut2 tahun2 pertama, kedua dan ketiga maktab tersebut ia-lah sa-ramai 102 orang.

Tamat belajar di - S. P. S. M.

BANDAR BRUNEI. — Lima belas orang yang telah tamat belajar di-Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei Shell di-Seria pada masa ini sedang berkhidmat di-Pejabat2 Kerajaan di-negeri ini.

Mereka ia-lah saperti di-bawah ini:

Mohamed Yusof bin Misir, Sabtu bin Kamit, Abdul Karim bin Haji Ibrahim, Awangku Shahminan bin Pengiran Haji Ismail, Awangku Ali bin Pengiran Zakiah, Mohamed Yassin bin Mohamed Daud, Ramli bin Kimong, Othman bin Mohamed Yusof, Zailani bin Mahli, Mohamed Ali bin Bungsu, Ahad bin Haji Bangkok, Abdul Rahman bin Yahya, Damit bin Mohamed Sa'ad, Abdul Hamid bin Taha dan Mohamed Noor bin Mohamed.

LAWATAN BADAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Inche Ismail bin Haji Mohamed Ariff, Setia Usaha, Badan Penerangan Ugama Islam, Negeri Brunei dan beberapa orang dari Pejabat Ugama, Brunei telah memberi sharahan mengenai hal ahwal Ugama Islam di-dua buah tempat pada hari Juma'at yang lalu.

Sa-belum menyempurnakan sembahyang Juma'at rombongan tersebut telah memberi sharahan di-Mesjid Sungai Hanching dan sa-lepas sembahyang Juma'at pula rombongan itu telah memberi sharahan di-Kampung Serasa.

Ramai penduduk2 kampong2 tersebut telah hadir di-majlis sharahan itu.

PATUT-KAH ANAK2 YANG BELUM DEWASA ?

BANDAR BRUNEI. — Patut-kah anak2 yang belum dewasa di-biarkan menyanyi lagu2 yang beransor asmara?"

Demikian-lah bunyi tajok karangan yang di-anjorkan oleh Radio Brunei, Bahagian Melayu baharu2 ini di-bawah ranchangan, "Apa-kah pendapat tuan2?"

Pemenang peraduan itu, sa-orang wanita yang kini tinggal di-Kuala Belait telah memberi pendapat-nya bahawa kanak2 yang belum dewasa tidak patut di-biarkan menyanyi lagu2 yang beransor asmara.

Penulis itu ia-lah Dayangku Zainab binti Pengiran Abas, sa-orang puteri kepada Senior Inspektor Pengiran Abas yang pada masa ini berkhidmat dengan Pasukan Polis Brunei di-Kuala Belait.

Pemenang yang kedua dalam peraduan itu ia-lah Inche M. Yusof H.A. dari Kampong Pengiran Pemancha Lama, Kampong Ayer, Brunei.

Inche Yusof telah memberi pendapat bahawa karangan tersebut kedua memula berkenaan dengan pendapat-nya.

Lain2 orang yang berjaya da-

lam peraduan karangan itu ia-lah saperti di-bawah ini:

Inche Ahim bin Ibrahim, Lorong 14, Seria.

Inche Ismail Apong, Kampong Sultan Lama, Brunei.

Inche A.R. Tamin, dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Belait.

Tajok karangan yang baharu ia-lah, "Ada-kah pelajaran itu terchapai kerana wang, atau kerana otak atau kerana kemahuan."

Tiap2 karangan hendak-lah tidak lebih dari 100 perkataan dan hendak-lah di-alamatkan kepada Penerima, Ranchangan, Apakah Pendapat Tuan, Radio Brunei, Brunei tidak lewat dari 16 March.

Radio Brunei, Bahagian Melayu akan menyiarkan karangan yang berjaya itu pada pukul 8 malam 20 March, 1961.



Empat orang wanita dan sa-orang lelaki dari negeri2 Asia yang sedang menghadiri kursus Physiotherapy di-New Zealand di-bawah Ranchangan Colombo. Dari kiri ia-lah Puan Th'ng Siew Wan dari Rumah Sakit Besar, Brunei (penuntut Ranchangan Colombo dari Brunei yang pertama menghadiri kursus tersebut); Puan Chang Wei Mun dari Rumah Sakit Besar, Singapura; Puan Ong Siew Tuan dari Rumah Sakit Besar, Singapura; Inche Vincent T. Chang dari Rumah Sakit Besar, Sarawak dan Puan C. Gomez, sa-orang ward sister dari Kasturba Gandhi Hospital, Madras, India.

BAHASA JIWA BANGSA

PENERANGAN KAPADA BAKAL2 HAJI DARI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Haji ia-lah satu rukun Islam yang telah di-wajibkan ka-atas tiap2 orang Islam bagi menyempurnakan-nya hanya sa-kali sahaja sa-umur hidup, kerana dalam menyempurnakan rukun ini, ada banyak kepayahan dan kesusahan serta keberatan2 yang belum di-rasa dan yang akan di-tempoh oleh bakal2 haji itu, demikian antara-nya kata Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Metali bin Mohamed Yassin, Kadhi, Brunei.

Beliau telah menyampaikan ucapan itu di-Tambatan Kastam, Bandar Brunei pada pagi hari Ithnin 6 March yang lalu, kira2 lima belas minit sa-belum bakal2 haji dari Brunei meninggalkan negeri ini untuk menunaikan fardhu haji.

Sa-ramai 18 orang bakal2 haji telah belayar dari pelabuhan Brunei ka-Labuan dengan kapal "Bolkih" pada pagi tersebut. Dari sana mereka telah belayar ka-Singapura dengan kapal "Keningau", pada petang hari itu dan akan belayar ka-Jeddah dengan kapal "Kuala Lumpur", dari Singapura ka-Jeddah pada 22 March.

MENDZAHIRKAN KESHUKORAN

Ramai kaum keluarga dan sahabat handai bakal2 haji itu dan lain2-nya telah berada di-Tambatan Kastam pada pagi hari tersebut untuk mengucapkan selamat belayar ka-tanah suci dan selamat balek ka-tanah ayer kapada bakal2 haji itu. Ada juga di-antara mereka itu yang mengiringi bakal2 haji itu ka-Labuan.

Dalam ucapan-nya itu, Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Metali menegaskan bahawa kepayahan dan kesusahan serta keberatan2 yang belum di-rasa oleh bakal2 haji itu hendaklah mereka terima dengan sabar dan hati yang ikhlas.

Ibadat haji ada-lah satu ibadat yang mendzahirkan keshukoran di-atas nikmat harta dan kesehatan badan yang di-beri oleh Allah Ta'ala sa-bagai mana kita mengeluarkan zakat harta pada tiap2 tahun, kata Begawan Khatib Haji Metali.

Seterus-nya beliau berkata bahawa ibadat haji yang di-kerjakan oleh tiap2 orang Islam adalah berlainan dengan mengerjakan ibadat2 lain yang telah di-wajibkan, kerana mengerjakan-nya terpaksa meninggalkan segala rupa kesenangan, pangkat, darjat dan kemewahan, tidak kerana bermegah2 bahkan dikerjakan dengan keadaan biasa dan sederhana dengan merendahkan diri serta menjunakkan taraf kehambaan terhadap Allah Ta'ala.

PEKERJAAN HAJI MELEBORKAN DOSA

Begitu juga ibadat haji tergantung kapada kesehatan badan dan wang ringgit yang tidak kurang banyak-nya, lebeh2 lagi orang2 yang jauh tempat-nya daripada tempat mengerjakan haji itu, seperti kita semua di-Negeri Brunei.

Maka dengan hal yang demikian, kata Begawan Khatib Haji

Metali, pekerjaan haji meleborkan segala dosa sa-bagai mana menurut hadith2 nabi yang banyak menerangkan faedah mengerjakan haji.

Begawan Khatib Haji Metali telah memberi penerangan berkenaan dengan chara2 menunaikan fardhu haji dan lain2-nya dalam ucapan beliau yang berharga itu dan berharap mudah2-

kah dan di-sana-lah di-buat dan di-kerjakan pekerjaan haji.

Pekerjaan haji boleh-lah dimithalkan seperti ziarah ka-beberapa tempat yang di-tentukan dengan membuat kerja yang di-tentukan sambil membaca zikir2 pujian, do'a2 dan sa-bagai-nya di-tempat2 itu.

Begawan Khatib Haji Metali menerangkan lagi bahawa pekerjaan haji itu mengambil masa lebeh kurang empat atau lima hari sahaja dalam bulan Zulhajah pada tiap2 tahun.

MEMAKAI PAKAIAN EHRAM KEPALA TERDEDAH

Mulai daripada hari yang kedelapan haribulan Zulhajah, orang2 haji yang ada di-Mekah biasa-nya mula-lah mereka bersedia kerana berniat masuk mengerjakan haji dengan memakai pakaian ehram yang berupa sa-helai selindang dan sa-helai kain yang tiada berjahit, serta mendedahkan kepala bagi tiap2 orang laki2, dan bagi perempuan pula mereka tidak di-benarkan memakai sarong tangan dan tutup muka tetapi boleh memakai pakaian biasa.

Kemudian mereka mula-lah berjalan menuju ka-Padang Arfah kerana mengerjakan rukun yang kedua, ia-itu berhenti bila2 di-antara gelincher matahari hari yang ke-sembilan hingga terbit fajar Hari Raya Haji.

Pada hari itu juga orang2 haji beridar daripada Padang Arfah ka-Mazlifah serta mengambil batu2 untuk meluntar dan pada Hari Raya itu mereka berada

di-Mani dan sa-lepas itu mereka berchukor atau bergunting dan boleh-lah menanggalkan pakaian ehram.

MENGERJAKAN TAWAF DAN SA'I

Kadang2 sa-lepas itu ada orang yang balek ka-Mekah mengerjakan tawaf haji dan sa'i, kemudian balek sa-mula ka-Mani bermalam di-sana kerana meluntar batu pada hari sa-belas dan dua belas Zulhajah.

Tetapi bagi orang yang tidak balek, mereka terus bermalam di-sana apabila habis meluntar batu baharu balek ka-Mekah mengerjakan tawaf dan sa'i dan sa-hingga ini babis-lah pekerjaan haji.

Selanjut-nya, dalam ucapan Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Metali, beliau telah memberi nasehat kapada bakal2 jema'ah haji dari negeri ini yang telah belayar ka-Jeddah dengan kapal melalui Labuan dan Singapura baharu2 ini bahawa dalam perjalanan mereka yang jauh itu ada berbagai2 bangsa dan keadaan yang mereka kelak jumpai.

Dengan hal yang sa-demikian, hendak-lah mereka selalu berperasaan kaseh sayang di-antara satu dengan lain—lebeh2 lagi dengan jema'ah dari Brunei dan hendak-lah selalu bertolongan2 serta mengambil berat di-antara satu sama lain segala-nya yang menjadi kesulitan dan kesusahan.

NASEHAT BEGAWAN K.H. METALI

"Perlu di-ingatkan jika ada satu2 perkara yang berkehendak pertolongan benda2 yang tidak dapat tuan2 ikhtiarkan seperti ubat kerana sakit atau sa-umpamanya, hendak-lah tuan2 lekas memberi tahu kapada "Pejabat Kebajikan sa-masa di-Mekah", kata Begawan Khatib Haji Metali di-antara ucapan-nya kapada bakal2 haji yang sedang berada dalam kapal Bolkih pada pagi hari Ithnin 6 March yang lalu sa-belum kapal ini belayar ka-Labuan.



Begawan Khatib Haji Metali

an penerangan beliau itu dapat memberi panduan kapada orang2 dari negeri ini yang belum lagi menunaikan fardhu haji bagi mengerjakan ibadat itu.

Dalam penerangan-nya, beliau menyatakan bahawa "haji arti-nya menuju ka-Baitullah di-Me-

SELAMAT BELAYAR



Satu pemandangan di-Tambatan Kastam, Bandar Brunei pada masa sa-belum rombongan bakal2 haji dari Negeri Brunei berangkat ka-Mekah baharu2 ini.

PERADUAN2 MINGGU BAHASA DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Peraduan2 sharahan, membacha sajak, nyanyian dan bahath yang mendukung keseluruhan Minggu Bahasa untuk menggalakkan pemakaian bahasa Melayu pada penduduk2 Negeri Brunei sesuai dengan maksud Perlembagaan akan di-adakan bagi da'erah Belait mulai pada 28 hingga 30 March hadapan.

Peraduan2 itu ia-lah:

Malam pertama 28 March:

★ Sharahan—terbuka kepada orang2 dewasa Melayu lelaki dan perempuan, dan orang2 dewasa bukan Melayu lelaki dan perempuan;

★ Membacha sajak—terbuka kepada orang2 dewasa Melayu lelaki dan perempuan, dan orang dewasa bukan Melayu lelaki dan perempuan;

★ Nyanyian—terbuka kepada orang2 dewasa Melayu lelaki dan perempuan, dan orang2 dewasa bukan Melayu lelaki dan perempuan; dan

★ Bahath (pusingan pertama) — Pasokan "A" melawan pasokan "B".

Malam kedua 29 March:

★ Sharahan—terbuka kepada murid2 Melayu lelaki dan perempuan; dan murid2 bukan Melayu lelaki dan perempuan;

★ Membacha sajak—terbuka kapda murid2 Melayu lelaki dan perempuan, dan murid2 bukan Melayu lelaki dan perempuan;

★ Nyanyian—terbuka kepada murid2 Melayu lelaki dan perempuan, dan murid2 bukan

SERUAN KAPADA MURID2

(Dari Muka 1)

sakalian menggunakan Minggu Bahasa ini dengan sa-baik2-nya, ia-itu mengikut bagaimana tujuan mengadakan-nya, dan saya berharap juga supaya kamu selalu ingat bahawa kamu ia-lah bakal2 ra'ayat negeri ini yang akan bersungguh2 menjalankan kerja2 bagi menyatupadukan segala golongan ra'ayat negeri ini, serta juga bagi menjadikan negeri ini sa-buah tempat yang aman sejahtera dan ma'amor.

"Usaha untuk mengembangkan dan memajukan pelajaran bahasa kebangsaan kita ini di-sekolah2 Inggeris, Misi dan China maseh boleh di-katakan baharu juga lagi, tetapi sampai pada masa ini kemajuan yang telah di-perolehi ada-lah memuaskan hati, dan pada masa akan datang dengan bertambah lagi bilangan guru2 yang mahir dan terlatih, saya perchaya pelajaran bahasa kebangsaan kita itu akan bertambah jaya.

"Maka dengan itu saya harap belajar-lah kamu sakalian dengan bersungguh2 dan beri-lah kerja sama kamu sakalian dengan sa-penoh2-nya kepada guru2 kamu supaya dengan jalan itu kerja2 mencepatkan kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu kita ini akan segera berjaya."

Melayu lelaki dan perempuan; dan

★ Bahath (pusingan kedua) — Pasokan "C" melawan pasokan "D".

Malam ketiga 30 March:

★ Bahath (peraduan akhir) — Pemenang pusingan pertama me-

lawan pusingan kedua;

★ Aneka Ragam — Persembahan murid2 sekolah semua bangsa; dan


★ Menyampaikan hadiah.

Pemenang2 dalam tiap2 bahagian bagi kawasan Belait dan Seria akan mewakili dae'rah ini dalam peraduan peringkat akhir sa-Negeri Brunei dalam Minggu Bahasa pada 10 hingga 16 April hadapan.

Chalun2 untuk memasoki peraduan2 tersebut hendak-lah menulis surat kepada pengurus bahagian masing2 di-alamat Jabatan Pelajaran Kuala Belait.

LAGU MINGGU BAHASA

DI-M'ALUMKAN BERKENA'AN LAGU MINGGU BAHASA KELUARAN PELITA BRUNEI BIL. 4, RABU, 15, FEB., 1961 DI-MUKA 2 TELAH DI-DAPATI SADIKIT KESILAPAN OLEH PENGUBAHNYA SENDIRI IAITU DI-NOTE BAHAGIAN 'TRIO' DI-KANDANG2 YANG KEDUA DAN YANG KE-ENAM SUDAH DI-TULISKAN SAPARTI TANDA SHARP # INI DI-NOTE C ADA-LAH SALAH TANDA, DI-PINTA-LAH PEMINAT2 SENI YANG INGIN MENYALIN-KAN LAGU INI BEKERJA SAMA MEMBETULKAN-NYA SAPARTI INI:



SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI DI-KAMPONG BUNUT

BUNUT. — Penduduk2 di-Kampung Bunut, Batu Lima, Jalan Tutong, Brunei akan mengadakan "Malam Agama" dan "Malam Anika Warna" di-Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut sabagai menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Malam Agama itu akan di-adakan pada hari Ahad 19 March, mulai pada pukul 7.30 malam.

Malam Anika Warna pula akan di-adakan pada hari Ithnin 20 March mulai pada pukul 7.30 malam.

Pada Malam Agama itu akan di-adakan Peraduan Membacha al-koran terbuka kepada orang2 dewasa dan kanak2 sekolah, Peraduan Sharahan terbuka kepada orang2 yang berumur 16 tahun ka-atas, Peraduan Membacha Fatiha dan Dugaan akal terbuka kepada kanak2 sekolah.

MALAM

ANIKA WARNA

Achara2 yang akan di-adakan pada Malam Anika Warna ia-lah Peraduan Menyanyi terbuka kepada orang2 dewasa yang tinggal di-Kampung Bunut, Peraduan Fashion Melayu terbuka kepada laki2 dan perempuan, Peraduan Menyanyi terbuka kepada kanak2 yang berumur tidak lebeh daripada 13 tahun dan Peraduan Lagu Brunei Asli.

Sa-lain daripada tersebut penyanyi2 tempatan yang terkenal akan memperdengarkan suara mereka yang merdu, manakala "raja2 kelakar" tempatan pula tidak ketinggalan akan mempersembahkan lakonan jenaka yang istimewa di-temasha M a l a m Anika Warna itu.

Peraduan Berchuchol antara rumah2 akan di-adakan juga pada masa sambutan tersebut.

Menurut keterangan Awangku

UCHAPAN HARI RAYA BARISAN BUROH

BANDAR BRUNEI. — Dalam sa-buah "siaran untuk akhbar", Barisan Buroh Bersatu Brunei telah menyampaikan Uchap Selamat Hari Raya kepada seluruh kaum buroh umum-nya dan muslimin khas-nya.

Siaran itu di-tanda tangani, oleh Setia Usaha Aong 4B, Inche' A. Abd. Hafidz, antara-nya berbunyi:

"Mari-lah kita seluruh kaum buroh berdo'a mudahan2 haki-kan yang ada di-sa-balek berpuasa ia-itu untuk menginsafi dan menyedari betapa perih-nya menahan lapar dan dahaga. Maka bagitu-lah azab sengsara-nya sa-orang fakir miskin yang tidak punya pendapatan untuk sara hidup-nya.

"Kalau-lah pengertian ini sudah ada atau telah tertanam di-dalam jiwa kita, dalam jiwa pemimpin2 kita dan dalam jiwa orang2 yang bertanggung dalam negeri ini, maka mari-lah kita berazam akan membela nasib ra'ayat yang miskin dan menderita itu dengan apa chara yang adil dan saksama."

Abas bin Pengiran Haji Besar, Setia Usaha sambutan tersebut Jawatan Kuasa sambutan itu telah bersejutu dalam meshuarat-nya baharu2 ini bahawa penduduk2 Kampong Bunut akan menyempurnakan Sembahyang Hari Raya Aidilfitri di-Madrasah Kampong Bunut dan sa-lepas itu akan di-adakan jamuan Hari Raya di-Sekolah Melayu Bendahara Sakam.

RENGKASAN WARTA BERITA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia dengan sukachita menjemput orang ramai yang hendak menguchapkan Selamat Berhari Raya Aidil Fitri kepada Baginda dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri ka-Istana Darul Hana pada bila2 masa dari pukul 7.30 pagi ka-pukul 6 petang mulai dari Hari Raya yang kedua hingga ka-Hari Raya yang ke-enam.

BANDAR BRUNEI. — Meshuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Negeri Brunei kali ke-14 akan berlangsung pada 24 hingga 25 March akan datang bertempat di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Pembukaan rasmi majlis meshuarat agong tersebut di-jangka akan di-lakukan oleh Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei.

BERAKAS. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji

Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negara Brunei dan isteri beliau, Yang Berhormat Inche Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar dari Jabatan Pelajaran, Brunei dan Yang Mulia Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah, Brunei dan Muara telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Singapura pada petang hari Ithnin yang lalu. Dari Singapura beliau2 itu akan belayar ka-Jeddah dengan kapal "Kuala Lumpur" pada minggu hadapan dalam perjalanan ka-Mekah kerana menunaikan fardhu haji.

TUTONG. — Pegawai2 Ugama akan melihat anak bulan Shawal di-Pantai Tutong pada malam 17 March. Sa-kira-nya anak bulan itu di-lihat, maka Hari Raya Aidil Fitri ia-lah pada hari Sabtu 18 March—jikalau tidak, umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada hari Ahad 19 March.

Sambutan turun Al-Koran di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI.— Dua orang dewasa dan sa-orang kanak2 yang berjaya dalam peraduan membacha al-koran pada sambutan malam turun-nya al-koran pada tahun yang lalu, telah sekali lagi berhasil mempertahankan gelaran masing2 pada tahun ini.


Peraduan membacha al-koran itu telah di-adakan sa-bagai sambutan malam turun-nya al-koran di-bawah anjoran penuntut2 uga- ma Kerajaan Brunei di-Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu, dengan kerjasama Persatuan Kesatuan Islam, Brunei.

Sambutan tersebut telah di- langsungkan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 4 March bersama'an dengan 17 Ramadan yang lalu.

Tiga orang pembacha2 al-koran yang bernasib baik itu ia-lah Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar dan Awang Mohaimin bin Dato Imam Haji Mukti yang telah berjaya dalam bahagian orang dewasa, manakala Mas'ud bin Awang Damit berjaya dalam bahagian kanak2.

Mohamed Yusof dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer, Brunei.

Awangku Shamsu bin Pengiran Haji Kadir dari Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah di-pileh masuk beradu dalam peraduan sharahan tersebut peringkat akhir pada malam 17 Ramadan baharu2 ini telah tidak hadir di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada masa di-adakan peraduan sharahan itu, oleh kerana



Awangku Mohidi bin Pengiran Omar yang telah menjadi johan dalam peraduan membacha Al-Koran sambutan malam turun Al-Koran di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Sa-lain daripada peraduan membacha al-koran, penaja sambutan tersebut telah juga mengadakan peraduan sharahan ugama.

Peserta2 yang berjaya dalam peraduan2 membacha al-koran dan sharahan tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:—

Peraduan membacha al-koran bahagian orang2 dewasa: Johan — Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar, Naib johan — Awang Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti. Pemenang yang ketiga — Awang Besar bin Yahya.

Peraduan membacha al-koran bahagian kanak2 sekolah: Johan — Mas'ud bin Awang Damit. Naib johan — Harun bin Ismail. Pemenang yang ketiga — Masri bin Idris.

Peraduan sharahan ugama antara penuntut2 sekolah: Johan — Sulaiman bin Chuchu dari Maktab Perguruan Melayu Brunei. Naib johan — Mohamed Ali bin

sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar Negeri Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan2 tersebut.

ZAKAT FITRAH

BANDAR BRUNEI. — Zakat Fitrah bagi tahun 1380 sabagaimana yang telah di-tetapkan oleh Kadhi Besar Negeri Brunei ia-lah sa-berat 3 kati 12 tahlil bagi satu fitrah.

Zakat fitrah itu boleh-lah juga di-keluarkan dengan wang menurut harga beras \$2.04 sen sa- gantang, ia-itu sa-banyak 3 kati 12 tahlil ia-lah \$1.27½ sen bagi satu fitrah.



Inche Sabtu bin Ahmad (nombor dua dari kiri) dan Awang Mohamed Yusof bin Abdul Latif (nombor dua dari kanan) bergambar di-bangunan lapangan terbang Brunei sa-belum beliau2 berangkat ka-Kuala Lumpur baharu2 ini untuk mewakili Negeri Brunei dalam pertandingan membacha Al-Koran antara bangsa di-Kuala Lumpur. Di-kiri sa-kali ia-lah Yang Mulia Pengiran Muda Kemaludin bin Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Setia Usaha, Pejabat Hal Ahwal Ugama, Brunei dan di-kanan sa-kali ia-lah Yang Mulia Pengiran Momin bin Pengiran Othman dari Jabatan Pelajaran, Brunei yang telah berangkat ka-Kuala Lumpur bersama2 dengan Inche Sabtu dan Awang Mohamed Yusof.

PENUNTUT2 UGAMA BRUNEI DI-LUAR NEGERI

BANDAR BRUNEI.— Lima orang penuntut2 dari Negeri Brunei telah di-pileh oleh Kerajaan Brunei untuk belajar di-Sekolah Arab Al-Junid, Singapura.

Penuntut2 itu ia-lah Salim bin Haji Besar dan Abdul Hamid bin Haji Abdullah (kedua2-nya dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei; Abdul Razid bin Abdul Kadir (dari Sekolah Melayu Gadong); Ahmad bin Haji Hanifah (dari Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer, Brunei); dan Kassim bin Lamat (dari Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara).

Perkara tersebut telah diterangkan kepada "PELITA BRUNEI" oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamed Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua Pegawai Hal Ahwal Ugama, Negeri Brunei pada masa beliau kembali ka-Brunei dari Singapura baharu2 ini.

Beliau telah berangkat ka-Singapura pada awal bulan ini untuk menchari sa-buah Sekolah

Pada masa ini sa-ramai 24 orang penuntut2 dari negeri ini belajar di-Sekolah Arab tersebut.

Maka dengan tambah-nya penuntut2 yang baharu maka sa-ramai 29 orang penuntut2 dari negeri ini belajar di-Sekolah Arab itu.

Sa-lain dari itu 3 orang penuntut2 dari Brunei yang menjadi bekas penuntut2 Sekolah Arab Al-Junid pada masa ini ada-lah melanjutkan pelajaran masing2 di-Maktab Islam Sa-Malaya di-Klang, Selangor.

Empat orang lagi penuntut2 dari Negeri Brunei yang telah tamat pelajaran di-Maktab Islam Sa-Malaya kini sedang melanjutkan pelajaran mereka di-Universiti Azhar, Kahirah.



Y.B. Dato Setia Pengiran Ali

'Arab di-mana beberapa orang lagi penuntut dari negeri ini akan belajar, kerana di-katakan bahawa Sekolah Arab Al-Junid di-Singapura tidak dapat menerima lagi penuntut2 dari Brunei.

DERMA HARI RAYA

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 jawatan kuasa derma hari raya akan melawat rumah sakit besar Bandar Brunei dan penjara Jerudong esok untuk menyampaikan kueh2 dan lain2 hadiah hari raya kepada orang2 sakit dan banduan2.

Jawatan kuasa itu di-pengerusikan oleh Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad.

PUSAT PENAPIS AYER DI-SUNGAI BASONG

TUTONG. — Kerajaan Brunei telah membena sa-buah pusat penapis dan pump ayer di-kawasan Sungai Basong, Daerah Tutong, letak-nya kira2 sa-batu jarak-nya dari Pekan Tutong.

Pusat penapis dan pump ayer itu telah siap di-bena pada pertengahan tahun yang lalu dan pada masa ini ada-lah di-bawah kelolaan Jurutera Ayer Negeri Brunei, Tuan M.J. Caldwell.

Dengan pembenaan pusat tersebut penduduk2 di-Daerah Tutong pada masa ini dapat-lah minum ayer yang jerneh..

Menurut keterangan Jurutera Ayer Negeri Brunei, Jabatan Ayer Brunei telah memasang sa-jumlah 34,999 kaki pipe ayer da-

lam Daerah Brunei mulai pada pertengahan tahun 1960 hingga ka-penghujung tahun yang lalu.

Pipe ayer yang telah di-pasang itu ada-lah sa-banyak 16,289 kaki mulai dari batu 1½ Jalan Tutong hingga ka-batu 4 jalan itu.

Di-kawasan Gadong pula, Pejabat Ayer Brunei telah memasang 6,060 kaki pipe ayer.

Sa-jumlah 12,650 kaki pipe ayer telah di-pasangkan di-Kampung Delima, Berakas, Jalan Muara.


Kerajaan telah membelanjakan sa-banyak \$2,572,000 untuk pekerjaan pembahagian ayer pada tahun 1960 dalam negeri ini. Pada tahun 1956 jumlah perbelanjaan itu ia-lah \$540,000.

MENGUNAKAN AYER

Ketika di-tanya berapa-kah banyak-nya penduduk2 dalam negeri ini menggunakan ayer pada tiap2 hari dalam tahun 1960, Jurutera Ayer itu berkata bahawa dalam tahun yang lalu, penduduk2 di-Daerah2 Brunei,

Tutong dan Kuala Belait (tidak termasuk kawasan Padang Minyak) menggunakan sa-banyak kira2 1,660,000 galon ayer pada tiap2 hari jika di-bandingkan dengan sa-banyak 300,000 galon ayer pada tiap2 hari enam tahun dahulu.

Gambar2 di-muka ini ia-lah




pemandangan2 dan sa-bagai-nya yang telah di-ambil di-Pusat Penapis dan Pump Ayer di-Sungai Basong, Tutong baharu2 ini.

BALEK DARI MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pemuda2 dari Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berlatih sa-bagai bakal pegawai2 dalam Pasukan Tentera Brunei di-Port Dickson, Negeri Sembilan telah balek ka-Brunei pada minggu yang lalu untuk berchuti di-sini.

Pemuda2 itu ia-lah Awangku Ibnu bin Pengiran Apog, Sulaiman bin Damit dan Mohamed bin Haji Daud.

Mereka telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan December yang lalu untuk berlatih sa-lama tiga tahun di-Maktab Tentera di-sana



DEWAN PERBINCHANGAN RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Awangku Kamaludin bin Pengiran Besar dari Kampung Delima, Brunei telah berjaya memenangi hadiah soalan yang terbaik sekali dalam ranchangan Dewan Perbincangan Radio Brunei baharu2 ini.

So'alan-nya berbunyi, "Yang mana-kah lebeh baik di-ambil oleh penduduk sa-sabua negeri yang berkehendakkan kemajuan sakira-nya di-adakan:—(1) Pertanian (2) Nelayan (3) Makan Gaji dan (4) Bekerja sendiri. Dalam semua perkara2 ini, yang mana-kah banyak mendatangkan hasil kepada ra'ayat dan Kerajaan

Peserta2 yang mengambil bahagian dalam Dewan Perbincangan itu telah bersetuju bahawa pertanian-lah yang banyak mendatangkan hasil kepada ra'ayat dan Kerajaan.

Lain2 so'alan yang di-binchangkan dalam ranchangan tersebut dan telah di-pancharkan oleh Radio Brunei, Bahagian Melayu pada malam Sabtu yang lalu ada-lah saperti di-bawah ini:

A. "Yang mana lebeh berguna di-antara Radio atau Surat Khabar". So'alan tersebut datang-nya dari Dayangku Sarbanun binti Pengiran Mohamed, Kampung Pengiran Siraja Muda, Kampung Ayer, Brunei.

B. "Apa-kah langkah yang sa-patut-nya di-buat oleh Kerajaan dari sekarang untuk me-

ninggikan taraf kehidupan penduduk2 luar bandar". So'alan tersebut ia-lah dari Che Yahya bin Haji Ghapur, Kampung Tanjong Maya, Tutong.

C. "Yang mana-kah lebeh memberi jaminan dan yang amat penting bagi sa-sabua negeri itu antara lawyer dengan doktor?". So'alan itu terbit-nya dari Awangku Bakar bin Pengiran Haji Ismail, Kampung Ayer, Brunei.

Inche Abu Bakar bin Ahmad dari Radio Brunei telah memimpin Dewan Perbincangan tersebut, manakala yang mengambil bahagian dalam ranchangan itu ia-lah Inche Sahari bin Idris dari

Jabatan Kastam, Brunei; Inche Suhaimi bin Haji Ismail, dari Pejabat Pertanian, Brunei dan Inche Mohammed Zain Ariff dari Pejabat Penerangan, Brunei.

Dewan Perbincangan di-bawah anjoran Radio Brunei itu akan di-adakan sa-bulan sa-kali dan so'alan yang terbaik dalam ranchangan itu akan di-beri hadiah sa-banyak sepuluh ringgit.

Oleh itu Radio Brunei, Bahagian Melayu menjemput orang ramai menghantarkan so'alan2 yang manasabah mengandungi nama dan alamat penyo'al kepada Pengelola, Ranchangan Dewan Perbincangan, Radio Brunei, Bahagian Melayu, Brunei.

PERSATUAN KERAJAAN BRUNEI PEGAWAI-PEGAWAI TETAP

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Pemangku Pegawai Penerangan Negara, Brunei telah di-Kerajaan Brunei dalam meshuarat agong ulang tahun yang pertama persatuan itu tidak berapa lama dahulu.

Lain2 orang yang telah di-lantek menjadi Pegawai2 persatuan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini :

Naib Yang Dipertua — Inche Zaini bin Dato Setia Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad.

Setia Usaha Agong — Inche Teo Kim Yeo. Penolong Setia Usaha Agong — Inche Mohamed Yusof bin Tahir. Penyimpan Wang — Inche Cheong Tet Kong.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit, Inche Johari bin Abdul Razak dan Inche B. S. Andrews dari Bandar Brunei. Inche Peter Lee dan Inche Alias dari Kuala Belait. Inche Ajmain bin Abdul Razak dari Temburong.

Tujuan2 persatuan tersebut ia-lah :

◆ Untuk mengadakan sa-buah pertubuhan yang lengkap di-Negeri Brunei bagi pekerja2 yang berjawatan tetap dalam perkhidmatan Kerajaan dan juga untuk mereka yang tidak berjawatan tetap tetapi pekerjaan2 mereka ia-lah jenis yang tetap.

◆ Untuk mendapatkan dan mengekalkan syarat2 dan keadaan2 kerja yang lebih baik dan untuk melindungi dan menjaga kepentingan2 ahli2-nya.

◆ Untuk bekerjasama dan membantu Kerajaan dalam mewujudkan sa-buah perkhidmatan awam yang cekap.

◆ Untuk mengadakan kerjasama yang rapat dengan lain2 pertubuhan yang mempunyai chita2 dan tujuan2 yang sama.

◆ Untuk mengadakan undang2 bagi kepentingan ahli2-nya jika mengikut keputusan Meshuarat Agong Tahunan atau Meshuarat Khas bahawa tindakan yang sampama itu ada-lah di-kehendaki.

◆ Untuk menerbitkan majalah, buku2, surat2 siberan dan lain2 penerbitan bagi kepentingan persatuan dan dengan tujuan besar untuk meluaskan lagi sa-chara umom akan kepentingan2 persatuan itu jika mengikut keputusan2 Meshuarat Agong Tahunan atau Meshuarat Khas bahawa tindakan yang sampama itu ada-lah di-kehendaki.

◆ Untuk menyelesaikan pertikaian di-antara majikan dan pekerja dan untuk mengadakan, jika dapat, bantuan peguam mengenai pertikaian gaji atau penganiayaan jika di-setujui oleh Jawatan Kuasa Kerja untuk berbuat demikian.

◆ Untuk mengadakan sa-chara umom kebajikan2 kebenaran, kemasharakatan dan pelajaran yang halal di-sisi undang2 bagi ahli2-nya yang di-

fikirkan layak dari sa-masa ka-sa-masa oleh Jawatan Kuasa Kerja atau Meshuarat Agong Tahunan atau Meshuarat Khas, dan

◆ Untuk membuat lain2 pekerjaan yang halal di-sisi un-



Pengiran Puteh

ding2 sa-bagai yang munasabah atau membawa kepada tercapai-nya tujuan di-atas atau salah satu daripada-nya.

Persatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan Brunei itu ada-lah terbuka kepada semua pekerja2 tetap sekarang yang sudah tamat masa penchubuan-nya atau yang sudah di-akui sah untuk menyandang jawatan-nya dengan tidak mengira bangsa atau jenis.

Terta'alok kepada persetujuan Jawatan Kuasa Kerja persatuan itu, sa-saorang ahli yang bersara dari Perkhidmatan Kerajaan boleh tinggal tetap menjadi ahli kehormat dengan tidak berhak mengundi dan tidak terkena membayar yuran.

Sa-saorang ahli yang hendak berhenti, ada-lah di-kehendaki memberi tahu kepada Setia Usaha persatuan itu sa-kurang2-nya sa-bulan.

Sa-saorang ahli yang berhenti dari Perkhidmatan Kerajaan atau perkhidmatan-nya di-tamatkan oleh Kerajaan atau disebabkan kematian akan terlucut dari menjadi ahli persatuan tersebut.

Selanjut-nya Undang2 persatuan itu berbunyi bahawa pada masa berlaku sa-suatu pertelingkahan di-antara Kerajaan dan pekerja2-nya, maka ahli atau sa-kumpulan ahli yang berkaitan itu boleh memberitahu perkara itu kepada :

Di-Daerah Brunei—kapada salah sa-orang dari empat orang ahli2 jawatan kuasa kerja yang di-pilih.

Di-Daerah Belait—kapada salah sa-orang dari dua orang ahli2

jawatan kuasa kerja yang di-pilih.

Di-Daerah Tutong — kapada ahli jawatan kuasa kerja yang di-pilih.

Di-Daerah Temburong — kapada ahli jawatan kuasa kerja yang di-pilih.

Sa-saorang ahli jawatan kuasa kerja yang menerima keterangan2 tersebut hendak-lah dengan serta merta memberi tahu kapada Setia Usaha Agong persatuan itu dan ia hendak-lah pula mengadakan satu meshuarat jawatan kuasa kerja untuk menimbang, mengshor atau mengambil apa tindakan yang di-fikirkan mustahak.

Sa-kira-nya sa-saorang ahli atau sa-kumpulan ahli dalam sa-suatu bahagian perkhidmatan tetap Kerajaan yang berhak mendapat penchen atau pun tidak, mahu sa-suatu langkah diambil untuk mendapatkan kenaikan gaji atau untuk mendapatkan syarat2 perkhidmatan yang lebih baik lagi atau kerana tidak berpuas hati dengan tindakan atau perintah pehak yang berkuasa, maka perkara tersebut hendak-lah di-beri tahu kapada ahli2 jawatan kuasa kerja yang di-pilih dalam daerah mereka.

Undang2 itu menyebutkan lagi bahawa Jawatan Kuasa Kerja persatuan itu boleh, bagi pehak persatuan itu, bekerjasama de-

ngan sa-barang badan atau badan2 pekerja awam atau dengan lain2 pertubuhan yang di-fikirkan-nya munasabah, dengan tujuan untuk mewujudkan kepentingan dan kebajikan bersama, dan kerjasama ini termasuk-lah dengan mengadakan sa-orang atau beberapa orang dari ahli2 jawatan kuasa kerja untuk mewakili persatuan itu di-dalam satu majlis tindakan bersama.

Jawatan kuasa kerja itu boleh berunding untuk bergabung dengan satu2 badan atau pertubuhan tetapi pergabungan itu tidak akan sempurna jika tidak dengan persetujuan meshuarat agong tahunan atau meshuarat khas persatuan tersebut.

Lebih lanjut di-fahamkan bahawa persatuan tersebut telah pun menghantarkan permohonan mendaftarkan persatuan itu kapada Pendaftar, Pertubuhan2 Negeri Brunei.

Sukan B.S.B.U.

SERIA. — Pertandingan Sukan di-antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara kali yang ketujuh akan di-langsungkan di-Seria pada hari Jumat 23 June dan pada hari Sabtu 24 June tahun ini.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI

BANDAR BRUNEI.—Satu perlumbaan berjalan kaki sa-jauh 16 batu terbuka kapada kanak2 berumur 16 tahun ka-bawah dan orang2 dewasa laki2 akan di-adakan pada 28 April hadapan.

Perlumbaan itu ada-lah di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei dan akan di-mulai dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei.

Pihak wanita2 pula tidak-lah ketinggalan dalam perlumbaan berjalan kaki itu.

Perlumbaan untuk mereka ia-lah sa-jauh delapan batu sahaja, ia-itu dari kawasan Sungai Hanching ka-Bandar Brunei.


Tarikh perlumbaan antara wanita2 ia-lah sama dengan tarikh perlumbaan berjalan kaki terbuka kapada laki2.

Tiap2 orang yang hendak masuk berlumba ada-lah di-kena-

kan bayaran sa-banyak sa-lingit sa-orang.

Borang2 masuk berlumba boleh-lah di-perolehi dari sekarang di-Pejabat Penerangan, Brunei atau pun dari Pengiran Salleh bin Pengiran Haji Rajid dan Inche S. Palaniandi di-Pejabat Elektrik, Bandar Brunei.

Orang2 yang hendak masuk berlumba di-peringatkan bahawa permohonan itu akan di-tutup pada 1 April, 1961.



Pekerja2 Jabatan Kerja Raya Brunei, bahagian membaiki kerosakan kapal2 sa-telah mereka membaiki sa-buah kipas kapal dengan menggunakan alat penyelam. Dengan itu kapal2 yang rosak tidak payah di-bawa ka-limbongan.

Persidangan Menteri2 Commonwealth

LONDON. — Perdana2 Menteri Commonwealth tidak akan bertindak untuk menyingkirkan Afrika Selatan dari Commonwealth kerana dasar2 apartheid-nya, demikian kalangan2 yang bertanggung-jawab menyatakan.

P.M. Inggeris Harold Macmillan telah menemui sembilan orang Perdana Menteri yang lain dan ada-lah di-fahamkan bahawa tidak ada sa-orang pun yang menyatakan keinginan yang sunggoh2 hendak bertindak untuk menyingkirkan Afrika Selatan.

Kebanyakan-nya di-fahamkan telah membidas keras dasar apartheid itu dan mendesak supaya di-terbitkan sa-buah kenyataan rasmi sabagai menyuarakan pandangan mereka mengenai-nya.

Permintaan Afrika Selatan selaku sa-buah republik untuk menjadi ahli Commonwealth terus menerus akan di-binchangkan dalam persidangan minggu kedua.

P.M. Macmillan telah pun menemui Dr. Hendrik Verwoerd, P.M. Afrika Selatan dan memberitahu beliau tentang kesan balas Perdana2 Menteri yang lain.

MASEH YAKIN

Dr. Verwoerd di-beritakan berazam hendak mengemukakan soal keanggotaan negeri-nya dalam Commonwealth.

P.M. Macmillan di-beritakan telah memberi amaran Dr. Verwoerd bahawa beliau harus bersedia menghadapi kechaman2 dari pihak2 lain atas dasar apartheid-nya itu.

Verwoerd berhajat hendak menemui Perdana2 Menteri yang lain—yang putih dan juga yang hitam—sechra sendirian untuk menjelaskan dasar apartheid-nya.

Beliau di-katakan maseh yakin bahawa ia akan dapat memujuk Perdana2 Menteri lain menerima penjelasan-nya itu.

Commonwealth, "kami di-Nigeria akan terus menerus menentang dasar apartheid itu."

SOAL UTAMA

P.M. Ceylon, Puan Bandaranaike waktu di-tanya menyatakan bahawa soal utama bagi Ceylon ia-lah "keamanan dan keselamatan" dan kerana itu beliau menganggap soal perlu-chutan senjata sa-bagai mas'alah penting sekali kapada Commonwealth.

P.M. Canada, John Diefenbaker menyatakan bahawa Commonwealth tidak-lah boleh meletakkan diri-nya sa-bagai mahkamah "untuk menghakimkan negara2 yang menjadi anggota-nya."—B.H.

PERADUAN MEMBACHA AL-KORAN

KUALA LUMPUR — Kerajaan Kelantan sedang mengatorkan sambutan2 yang meriah bagi Tuan Haji Ahmad bin Ma'asom Pergau yang telah berjaya menjadi johan peraduan membacha Koran internasional dan kebangsaan.

Menurut achara2 yang sedang di-susun, Tuan Haji Ahmad akan di-bawa mengadap Sultan Kelantan.

Ra'ayat Kelantan bergembira dengan kejayaan beliau mengalahkan qari2 dari 8 negeri yang lain.

Tuan Haji Ahmad telah belajar agama di-Mekah dan Kaherah.

NAIB JOHAN

Naib johan peringkat internasional dan juga kebangsaan ia-lah Tuan Haji Ismail bin Hashim, 25 tahun sa-orang guru agama dari Kedah.

Lebih dari 20,000 orang telah menyaksikan istiadat menyampaikan hadiah oleh Seri Paduka yang di-Pertuan Agong kapada pemenang2 di-Stadium Merdeka. Antara tamu2 agong ia-lah Yam Tuan Besar Negeri Sembilan, Gabnor2 Melaka dan Pulau Pinang, wakil Sultan Perak dan para Menteri.

Negeri2 yang mengambil bahagian dalam peraduan membacha al-koran antara bangsa2 di-Stadium Merdeka, Kuala Lumpur baharu2 ini ia-lah Malaya, Singapura, Brunei, Thailand, Sarawak, Indonesia, Philipina dan Pakistan.—BERITA HARIAN



Awangku Mohiddin bin Pengiran Tajuddin (kiri) dan Awangku Mohamed Sa'id bin Pengiran Abu Bakar (kanan) dua orang Pembantu2 X'ray di-Rumah Sakit Besar Brunei, yang akan berangkat ka-Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu tidak berapa lama lagi untuk melanjutkan latihan dalam hal ehwal X'ray.

Awangku Mohiddin dan Awangku Mohamed Sa'id juga akan menghadiri kursus bagi menegahkan batok kering di-Kuala Lumpur sa-masa berada di-Persekutuan Tanah Melayu.

PERENTAH KASAVUBU

CONGO. — Askar2 Congo di-beritakan telah menerima perintah daripada Presiden Congo Joseph Kasavubu supaya menembak sakira-nya Bangsa2 Bersatu chuba meluchutkan senjata askar2 Congo itu.

Presiden Kasavubu di-beritakan juga perchaya maksud Bangsa2 Bersatu sa-bagaimana tersebut.

Sa-balek-nya Kerajaan Jajahan Equateur di-Congo yang menyokong Lumumba di-kabarkan telah bersetuju supaya Bangsa2 Bersatu menyusun sa-mula atau pun menguasai tentera2 Congo yang mengancam dalam jajahan Equateur itu.



Gambar ramai wakil2 Gabungan Persekutuan Guru2 Sadunia yang menghadiri Seminar Latihan Pemimpin2 Bangsa Asia di-Manila pada bulan February yang lalu.

Chegu Umar bin Muhammad, Setia Usaha Agong, Persekutuan Guru2 Melayu, Brunei (memakai baju Melayu berwarna hitam) dan Inche Suni bin Idris, Setia Usaha Perhubungan Luar P.G.G.M.B. (berdiri dibarisan ke-dua nombor 5 dari kanan) telah menghadiri seminar itu sa-bagai wakil2 P.G.G.M.B.

GUNAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN